



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA**

JAWATAN KOSONG

Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) mempelawa warganegara Malaysia untuk memohon jawatan kosong seperti berikut:

BIL	JAWATAN	TARAF JAWATAN	GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN (RM)
1.	SETIAUSAHA PEJABAT GRED N29	TETAP (2 kekosongan)	1,493.00	5,672.00	145.00

SYARAT-SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. (i) Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau

(ii) Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95).
4. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Keutamaan diberi kepada:

Calon berkebolehan bertutur dan menulis dengan fasih dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

CARA MEMOHON

1. Surat permohonan hendaklah dibuat secara bertulis (**bertaip**) dan disertakan *Resume*;
2. Permohonan yang lengkap beserta salinan sijil yang telah disahkan hendaklah dikepilkan dan disusun mengikut turutan seperti berikut:
 - i) Sekeping gambar terbaru berukuran passport
 - ii) Salinan Sijil Kelahiran
 - iii) Salinan Kad Pengenalan

- iv) Salinan Sijil-sijil Akademik beserta transkrip lengkap-Ijazah/Diploma/STPM/SPM/PMR
- v) Salinan sijil-sijil penghargaan/penyertaan (terhad 3 tahun terkini)
- vi) Salinan sijil vaksinasi COVID 19 lengkap

****Salinan sijil yang tidak disahkan adalah dianggap tidak lengkap dan tidak akan diproses.**

- 3. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **3 bulan** dari tarikh tutup iklan dianggap **TIDAK BERJAYA**. Tiada maklumat bertulis akan dikeluarkan oleh LJT berkaitan perkara ini.
- 4. Semua permohonan hendaklah ditulis jawatan yang dipohon di sebelah kiri bahagian atas sampul surat dan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA
ARAS 5-7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR

- 5. Tarikh tutup permohonan ialah pada **8 April 2022**.